

03/12/2001

Projek MSC ransang kemajuan negara

Khairul Anuar Samad

PROJEK Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menghasilkan kejayaan besar kepada negara sama ada dalam membangunkan ekonomi atau menjadikan Malaysia sebagai hub utama teknologi maklumat (IT) rantau ini.

Sehubungan itu, sebarang anggapan negatif terhadap projek negara itu daripada pihak tertentu adalah tidak berasas.

Pengerusi Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom), Looi Kien Leong, berkata memandangkan MSC adalah projek negara dalam merealisasikan Wawasan 2020, hasilnya bukan boleh dikecapi dalam sekelip mata.

Penilaian kepada kejayaan MSC itu tidak harus bersandarkan kepada perkembangan dan kejayaan yang dinikmatinya hanya dalam tempoh terdekat saja.

"MSC adalah projek besar berserta konsep meluas yang memerlukan kepada penelitian dan kepakaran rapi dalam usaha melaksana serta menjayakannya.

"Oleh itu adalah tidak betul dan karut sekiranya terdapat pihak tertentu yang mengatakan bahawa projek itu kini sudah mengalami kegagalan," katanya kepada media di Kuala Lumpur, minggu lalu apabila ditanya mengenai pandangan negatif sesetengah pihak mengenai MSC.

MSC diwujudkan untuk menarik syarikat teknologi bertaraf dunia ke Malaysia dan membangunkan industri tempatan selain menyediakan persekitaran pintar serta produktif.

Ia juga akan mewujudkan komuniti global dalam persekitaran masyarakat bermaklumat selain membentuk dunia rumah, bandar raya, sekolah, kad dan perkongsian pintar.

Looi berkata, untuk melihat kejayaan MSC yang menempatkan dua bandar raya pintar pertama dunia iaitu Putrajaya dan Cyberjaya akan mengambil masa selaras dengan masa sasarannya iaitu kira-kira 10 tahun lagi.

Katanya, memandangkan MSC menggabungkan banyak konsep berasaskan teknologi terkini yang juga membabitkan penyertaan syarikat multinasional, hasilnya sudah tentu membabitkan masa panjang untuk dituai.

"Keputusan kemajuannya tidak boleh dinilai daripada perkembangan semasa atau pertumbuhan prasarananya.

"Sekiranya dinilai daripada 583 syarikat yang sudah mendapat status MSC, itu adalah satu kejayaan memandangkan pencapaiannya sudah melebihi sasaran jumlah syarikat berstatus MSC," katanya.

Apa yang lebih memberangsangkan mengenai projek negara itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri membuat pemasaran terhadap MSC.

"Berdasarkan kepada kesungguhan Dr Mahathir itu, adalah tidak tepat untuk menyatakan MSC projek yang gagal," katanya.

(END)